

e-Buletin

Northern Corridor Economic Region (NCER)

Jilid 1 | Isu 1 

Salam NCER!

Sukacita menemui anda di dalam edisi pertama e-Buletin NCER ini. Terima kasih di atas sokongan anda dalam memajukan program-program dan projek di NCER. Dalam memastikan kelangsungan ekonomi wilayah dan negara, NCIA akan menggandakan usaha pelaksanaan program-program modal insan serta **terus menarik pelaburan yang berkualiti tinggi ke NCER**. Tumpuan khusus NCIA kini adalah dalam pemulihan sosioekonomi dan memastikan sasaran dicapai bagi **memanfaatkan rakyat yang kehilangan pekerjaan atau punca pendapatan**.

Yakinlah bahawa usaha proaktif NCIA akan diteruskan bagi **memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan** dan menyumbang ke arah **menjana semula ekonomi wilayah ini**, lebih-lebih lagi semasa negara sedang berhadapan dengan kemelut penularan COVID-19.



Datuk Seri Jebasingam Issace John
Ketua Eksekutif, NCIA

#kitajagakita #NCERcares



Pautan

Bina KERJAYA anda di NCIA

[Ketahui lanjut...](#)

Cari pekerjaan atau peluang keusahawanan melalui program-program modal insan

[Ketahui lanjut...](#)

Ingin menerokai peluang pelaburan di NCER?

[Ketahui lanjut...](#)

Kenali Projek-projek Strategik Berimpak Tinggi di negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang

[Ketahui lanjut...](#)

Ruangan Media NCER

[Ketahui lanjut...](#)

Di sekitar Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (PB)



Mesyuarat PB23 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia telah disempurnakan di Pulau Pangkor pada 15 September 2020 dengan pelancaran Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025).

PB24 pula diadakan secara dalam talian pada 16 November 2020, bagi mematuhi penjarakkan sosial ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). NCIA telah disarankan untuk mengekalkan momentum pencapaian dan memberi tumpuan khusus dalam mencapai sasaran bagi memanfaatkan rakyat dan wilayah.

[Ketahui lanjut...](#)



Apakah itu program JomKerja@NCER & JomNiaga@NCER

Program fast-track JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER, telah dilancarkan untuk **menyokong dan membantu rakyat dan syarikat yang terjejas oleh wabak COVID-19**. Program JomKerja@NCER dan JomNiaga@NCER memberi penekanan pada melatih semula dan meningkatkan kemahiran bagi **menambahbaik kualiti pekerja** tempatan lantas **membantu rakyat setempat**. Program-program ini direka bagi menghasilkan pekerja **berkemahiran dan memenuhi** keperluan industri serta perniagaan, di samping **menyokong keusahawanan serta PKS** yang menjadi tunjang ekonomi.

[Ketahui lanjut...](#)

JomKerja@NCER


Peruntukkan Komited	Peserta Komited	Bil. Syarikat	Jumlah Pewujudan Pekerjaan (Tempatan)
RM16.3 juta	3,687	91	10,980

JomNiaga@NCER

Peruntukkan Komited	Bil. PKS	Usahawan	Jumlah Pewujudan Pekerjaan
RM12.1 juta	77	3,026	679

Sumber: Pengkalan Data NCIA Ogos - Disember 2020

Pelaburan Yang Telah Diluluskan Mengikut Negeri 2020



Menarik & Merealisasikan Pelaburan Swasta

Pelaburan Diluluskan	Pelaburan Direalisasikan	Pewujudan Pekerjaan yang Komited	Pewujudan Pekerjaan Dicapai
RM15.6 Bil	RM3.7 Bil	22,364	6,976
Sasaran: RM7 Bil	Sasaran: RM3 Bil	Sasaran: 5,900	Sasaran: 3,000

Sumber: Pengkalan Data NCIA 2020

Jumlah peserta program-program Modal Insan NCER 2020

Program	Perlis	Kedah	Pangkor	Perak	Keseluruhan NCER
empowerNCER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan	200	1,400	200	403	2,203
empowerNCER Akademik	150	1,050	300	750	2,250
entREPRENEURNCER	1,729	5,081	785	1,955	9,550
NTEP @ NCER Talent Enhancement Programme	50	185	397	97	729
JomKerja @ NCER	243	349	2,121	974	3,687
JomNiaga @ NCER	294	1,813	888	710	3,705
KVA KASIH Ibu DARUL AMAN	Akan dilancarkan pada tahun 2021	4,469	-	Akan dilancarkan pada tahun 2021	4,469
DUB @ NCER Dana Usahawan Bumiputera	455 (4 Syarikat)	73 (4 Syarikat)	261 (3 Syarikat)	289 (9 Syarikat)	1,078 (20 Syarikat)

Sumber: Pengkalan Data NCIA 2020

Projek-projek Strategik Berimpak Tinggi Di NCER

- Chuping Valley Industrial Area (CVIA)
- Perlis Inland Port (PIP)
- Kangar Sentral

- NCER Technology Innovation Center (NTIC)
- Guar Kepah Archaeological Site

- Kedah Rubber City (KRC)
- Kedah Digital Library (KDL)
- Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing (SLAM) Hub
- Kedah Science and Technology Park (KSTP)
- Kedah Eco-Innovation Park (KEIP)
- Integrated Economic & Community Centre (I-CON) Baling & Yan
- Pembangunan Pulau Bunting

- SilverValley Technology Park (SVTP)
- Pulau Bebas Cukai (PBC) Pangkor
- Ipoh Heritage Tourism



Apa kata penerima manfaat program-program NCER...



empowerNCER

Program **empowerNCER** banyak **membantu** saya untuk mempelbagaikan menu dan **meluaskan pemasaran produk**. Alhamdulillah kini saya menerima tempahan makanan sekurang-kurangnya **50 bungkus sehari**

HASNITA BINTI HASHIM (Pengusaha Kedai Makan)

JomNiaga@NCER

Sebelum ini, perniagaan beliau terjejas akibat **pandemik COVID-19**. Namun, **JomNiaga telah membantu** melestarikan operasi syarikat beliau melalui insentif subsidi berjumlah **RM600/bulan selama 6 bulan** bagi setiap pekerja baharu

EN. MOHAMMAD JOHARI (Pengurus HGV Print House)



JomKerja@NCER

Saya rasa **bersyukur dan berterima kasih** sebab dengan adanya **program JomKerja** ini, saya **dapat meningkatkan kemahiran** serta **mejamin peluang kerjaya** di syarikat ini

TAN MIN HWA (Graduan Pelatih)



Sebelum ini, kami sekeluarga terpaksa **catu makan**. Selepas dapat **KIDA**, **makanan di dapur tidak pernah habis**. Menerusi **KIDA**, saya juga **dapat pergi ke klinik swasta**

RUZAINI BINTI AHMAD (Penoreh Getah)



NTEP@NCER Talent Enhancement Programme

Disebabkan **susah nak mencari kerja** semasa **pandemik COVID-19**, saya **bersyukur** melalui **program NTEP**, saya **dapat menjamin kerjaya** saya sebagai jurutera

KESAVA RAJ A/P VIJAYA KUMAR (Graduan)

DUB@NCER Dana Usahawan Bumiputera

DUB@NCER telah **banyak membantu** kami dalam **memberi bimbingan dan pelaksanaan projek** Eagle Nest Skywalk Langkawi. Kami berharap agar **dapat membantu penduduk setempat**

IR. ABDUL MANAF MAJID (Pengarah MBIAB Ventures Sdn. Bhd)



entrepreneurNCER

Melalui skim pembiayaan dari program **entrepreneurNCER** bersama **Agrobank**, saya **dapat menambah aset baharu** dengan membeli sebuah dron yang sekaligus **meningkatkan pendapatan sehingga sekali ganda**

ENCIK SABRI BIN SALIM (Indra Utara Enterprise)